

31 MAR 2002

Penuntut-Jerman

MALAYSIA HANTAR 45 PELAJAR KE BAVARIA MULAI SEPT 2003

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Mara akan menghantar 45 penuntut tajaannya ke Bavaria, Jerman mulai September tahun depan bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan automotif, kata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Nazri Aziz, di sini, hari ini.

Penuntut-penuntut ini merupakan kumpulan pertama yang akan dihantar berikutan persefahaman mengenai penempatan pelajar di Jerman antara kerajaan Malaysia dan kerajaan negeri Bavaria, katanya kepada pemberita selepas menghadiri Larian Amal Institut Malaysia-Jerman (GMI) di Dataran Merdeka.

"Sempena lawatan bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, satu perjanjian persefahaman telah ditandatangani antara Mara dengan kerajaan negeri Bavaria dan mereka telah bersetuju memberikan tempat kepada pelajar tajaan Mara dalam bidang automotif mulai tahun depan," kata Nazri yang mengikuti lawatan Perdana Menteri ke Jerman dua minggu lepas.

Dalam perjanjian tersebut, Bavaria bersetuju menerima dan menempatkan seramai 45 pelajar dari Malaysia setiap tahun bagi melanjutkan pelajaran, mengikuti kursus latihan dan praktikal di pusat pengajian tinggi mereka untuk tempoh empat tahun.

Bavaria merupakan sebuah negeri perindustrian paling moden dan dinamik di Jerman dan menyumbang 32 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara tersebut.

Ia turut menempatkan ibu pejabat dan kilang pengeluaran beberapa syarikat pembuat kereta terkenal seperti BMW.

Nazri berkata setiap pelajar diwajibkan mengikuti kursus persediaan selama dua tahun di bawah Mara untuk mendalami bahasa Inggeris dan bahasa Jerman sebelum dihantar ke Bavaria.

Katanya, usaha itu adalah selaras dengan saranan Dr Mahathir yang mahukan lebih ramai pelajar Malaysia mendalami latihan dan kemahiran dalam bidang automotif di Jerman.

"Malah Perdana Menteri turut menggalakkan supaya diadakan program latihan berkembar dengan IPT di Jerman, dan kita sedang berusaha ke arah itu," katanya.

Nazri turut memuji peranan GMI yang merupakan nadi utama dalam menggerak kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Jerman dalam bidang pendidikan khususnya membantu menyediakan peluang untuk pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke negara itu.

Beliau berkata, hasil perbincangan kerajaan Malaysia sempena lawatan Dr Mahathir ke Rusia baru-baru ini, difahamkan kerajaan negara itu berminat menyediakan tempat kepada pelajar-pelajar Malaysia di institusi pengajian tinggi di Rusia.

Ia termasuk 50 tempat dalam fakulti perubatan, 50 tempat dalam fakulti Bahasa Inggeris dan 30 tempat dalam fakulti Bahasa Rusia.

"Kita telah minta Mara pergi ke Moscow dan berhubung menerusi Kedutaan Rusia di sini bagi membuat usaha susulan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Mara Datuk Mohamed Mydin Mohamed Sheriff ketika ditemui pada majlis yang sama berkata setakat ini kurang daripada 150 orang pelajar di Malaysia sedang mengikuti pelajaran di seluruh Jerman terutama dalam bidang automotif, elektronik dan mekatronik.

Bagaimanapun, katanya, mulai tahun ini, Mara sedang melatih kumpulan pertama pelajar untuk di hantar ke Bavaria pada September 2003 disusuli dengan kumpulan kedua setahun selepas itu.

"Kesemua penuntut yang terpilih merupakan penuntut cemerlang SPM dan mendapat tajaan penuh daripada Mara," katanya.

Beliau berkata disamping sistem pendidikan yang baik, pembiayaan pelajaran di Jerman adalah jauh lebih murah kerana pelajar tidak perlu membayar yuran tuisyen.

-- BERNAMA

WNZ MFJ ZB